




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **121 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,659 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tawau dan satu (1) di Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 93 menjadikan jumlah kumulatif 55,987 orang. Seramai 988 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 292 orang di hospital, 688 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 43 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah tujuh (7) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 Terdapat **satu (1) kluster** baharu direkodkan hari ini.

Kluster Ladang Dua Paris di Kinabatangan melibatkan pekerja pejabat Ladang Abedon. Kes indeks merupakan kerani di ladang terbabit yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di sebuah klinik kesihatan pada 20 April 2021. Berdasarkan rekod pergerakan, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika melawat ahli keluarganya di Lahad Datu pada 13 April 2021. Turut dijangkiti dan disahkan positif ialah dua rakan sepejabat kepada kes indeks. Susulan kes tersebut, saringan kontak rapat dan tempat kerja mendapati 10 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 13 kes. Aktiviti persampelan ujian COVID-19 masih giat dijalankan.

6 Daripada 121 kes positif COVID-19, sebanyak 62 kes (51.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 12 kes (9.9%) saringan bergejala, 35 kes (29%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 12 kes (9.9%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,965 unit

- Hospital 535 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 24.92%.

B KEBENARAN OPERASI PERBEKALAN DAN PENJUALAN MAKANAN DI DAERAH DAN KAWASAN PKP

1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kelonggaran dua jam iaitu pelanjutan dua (2) jam bagi operasi aktiviti pembekalan dan penjualan makanan sehingga jam 8.00 malam, di daerah PKP yang sebelum ini membenarkan atau penjualan makanan sehingga jam 6.00 petang. Aktiviti yang lain adalah tidak berubah seperti dalam SOP PKP Daerah masing-masing yang telah ditetapkan.

- 2 Bagi daerah atau kawasan di bawah PKP, aktiviti aktiviti pembekalan atau penjualan makanan di restoran cafe, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (food truck) penjaja dan medan selera serta penghantaran makanan (delivery) dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam iaitu beroperasi bawa pulang (take away) atau pandu lalu sahaja.
- 3 Walau bagaimanapun terdapat daerah di bawah PKP di Sabah hanya membenarkan aktiviti pembekalan atau penjualan makanan beroperasi makanan sehingga jam 6.00 petang. Keputusan ini dibuat berdasarkan kepada penilaian risiko oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB).
- 4 Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi kebenaran kepada peniaga makanan beroperasi di tepi jalan atau di depan premis/rumah di seluruh Sabah yang berdaftar sepanjang bulan Ramadan berkuatkuasa 26 April 2021.

C ARAHAN PENUTUPAN SEKOLAH YANG MEMPUNYAI KES COVID-19

Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri hari ini bersetuju untuk:

- i supaya sekolah yang disahkan mempunyai kes COVID-19 ditutup minimum dua (2) hari.
- ii Dalam tempoh ini, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan melaksanakan penilaian risiko dan pengesanan kontak rapat serta memantau kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi.
- iii Penutupan sekolah boleh dilanjutkan melebihi tempoh dua (2) hari berdasarkan saranan, nasihat dan penilaian risiko oleh PKD.

D PENAMATAN PKPD DI KAMPUNG MERUNTUM, PUTATAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Meruntum, Putatan yang dijadualkan tamat esok, 26 April 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 127 ujian saringan dan 22 daripadanya positif COVID-19.
- 3 KKM juga memaklumkan, berlaku penurunan kes manakala semua kes positif serta kontak rapat juga telah diasingkan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Meruntum, Putatan pada 26 April 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

E PKPD DI KAMPUNG DAMBAI INANAM, KOTA KINABALU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Kampung Dambai Inanam, Kota Kinabalu, Sabah.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 74 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak enam (6) kes positif COVID-19 telah direkodkan dalam tempoh satu minggu.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Dambai Inanam, Kota Kinabalu bermula 26 April sehingga 9 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **27** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,094** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **323** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **43,090** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **510** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **9,024** orang.
- 4 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,571** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **449,418** (mysejahtera 403,973 : laman web 45,183 : talian vaksinasi 262) bersamaan 15.3%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

- 1 Setakat hari ini, sejumlah **310,028** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.
- 2 Jabatan Kebajikan Am Sabah menjelaskan bahawa Agihan Bantuan Bakul Makanan bagi membantu mereka yang terkesan akibat Pandemik Covid19 telah disalurkan sepenuhnya di kawasan PKPD dan PKP Daerah Tawau. Laporan menunjukkan bahawa sebanyak **7812** telah disalurkan di beberapa lokaliti yang terlibat dengan PKPD di seluruh daerah Tawau.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 61 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,296 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 149 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dengan tujuh (7) tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Kota Marudu - dua (2) Orang
 - Aktiviti perjudian.
 - Papar - dua (2) Orang
 - Gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan.
 - Kinabatangan - satu (1) Orang
 - Gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 81 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 381 lokasi melibatkan seramai 190 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 51 anggota di 62 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu Sook, Keningau, Kinabatangan, Kota Kinabalu, Kota Belud, dan Beaufort.
- 7 Sejumlah 59 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 225 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Kudat	98%
4	Beluran	97%
5	Beaufort	97%
6	Tenom	97%
7	Kota Marudu	97%
8	Papar	97%
9	Kinabatangan	97%
10	Ranau	97%
11	Kota Belud	97%
12	Keningau	97%
13	Tuaran	97%
14	Penampang	96%
15	Tawau	96%
16	Kota Kinabalu	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Kunak	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
25 APRIL 2021**